

Isu kalimah Allah boleh bahas tapi secara tertutup

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL
athirjmail@mediamulia.com.my

SHAH ALAM: Isu kalimah Allah tidak wajar dibincang dan dibahasakan secara terbuka sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, keputusan menarik balik rayuan terhadap penggunaan kalimah Allah dan tiga lagi perkataan iaitu Kaabah, Baitullah dan solat dibuat selepas isu tersebut dirujuk kepada mufti-mufti serta Raja-Raja Melayu.

Menurut beliau, isu tersebut sudah beberapa kali dijelaskan termasuk di Parlimen mengenai penggunaan kalimah tersebut yang dikhaskan kepada umat Islam di Semenanjung tetapi di Sarawak dan Sarawak ada sedikit perubahan.

“Maksudnya, umat Islam dalam Semenanjung Tanah Melayu sahaja boleh gunakan kalimah Allah untuk mengelakkan kekeliruan dan masalah dakwah agama lain, maka agama lain tidak diizinkan. Kemudian untuk Sabah dan Sarawak, ada sedikit kelonggaran dengan



ANWAR Ibrahim menerima naskah Al-Quran daripada Ali Jum'ah (dua kanan) pada Muzakarah dan Ulama-Umara sempena Festival Turath Islami Selangor 2023 di Shah Alam semalam. - UTUSAN/SADDAM YUSOFF

syarat-syarat yang ketat supaya tidak timbul kekeliruan.

“(Kalimah Allah) boleh dibahas, tetapi dalam majlis tertutup, tidak patut mengelirukan umat. Tetapi, kita masih dituduh menggadaikan dan mengkhianati amanah rakyat,” kata Perdana Menteri pada Muzakarah Ulama-Umara sempena Festival Turath Islami Selangor semalam

Muzakarah dihadiri Mantan Mufti Agung Mesir, Profesor Dr. Ali Jum'ah serta Pengasas dan Pengetua Darul Musthafa, Yaman, Habib Umar Hafidz.

Baru-baru ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) menarik balik rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang memutuskan penganut agama Kristian boleh menggunakan kalimah Allah,

Baitullah, Kaabah dan solat dalam penerbitan bahan agama Kristian bagi tujuan pembelajaran.

Ini berikutan keputusan Peguam Negara untuk menarik balik rayuan terhadap kes seorang wanita beragama Kristian, Jill Ireland Lawrence Bill berhubung bahan penerbitan yang mengandungi kalimah Allah.